Perumpamaan orang munafik, seperti seekor kambing yang kebingungan di antara dua kawanan, ia pergi kepada yang ini sekali dan kepada yang itu sekali

Daripada Ibn Umar رضي الله عنهما, daripada Nabi ﷺ, baginda bersabda: "Perumpamaan orang munafik, seperti seekor kambing yang kebingungan di antara dua kawanan, ia pergi kepada yang ini sekali dan kepada yang itu sekali."

[صحيح] [رواه مسلم]

Nabi ﷺ menjelaskan keadaan orang munafik bahawa ia seperti seekor kambing yang teragak-agak di antara dua kawanan kambing, tidak tahu yang mana satu harus diikutinya. Ada kalanya ia pergi ke kawanan ini, dan ada kalanya ke kawanan yang lain, Maka mereka kebingungan antara iman dan kufur, lantas mereka tidak bersama orang-orang yang beriman secara zahir dan batin, dan tidak pula bersama orang-orang kafir secara zahir dan batin. Bahkan zahir mereka bersama orang-orang yang beriman, manakala batin mereka dalam keraguan dan kebimbangan, maka kadangkala mereka cenderung kepada golongan ini, dan kadangkala cenderung kepada golongan itu.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65019